



EMPOWERMENT OF ECONOMIC POTENTIAL AND STATUS THROUGH BUSINESS CAPITAL AIDS OF ZAKAT DISTRIBUTION

PEMERKASAAN POTENSI DAN TARAF EKONOMI MELALUI AGIHAN ZAKAT BANTUAN MODAL PERNIAGAAN

AININ SOFIYA MOHAMAD HALIM

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

SURAIYA ISHAK

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: suraiya@ukm.edu.my

AHMAD RAFLIS CHE OMAR

Pusat Kajian Penciptaan Nilai dan Kesejahteraan Insan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: raflis@ukm.edu.my

ZURINAH TAHIR

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: zurinahtahir@ukm.edu.my

HAMDINO HAMDAN

Kuliyyah of Economics and Management Sciences, Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia

Email: hamdino@iium.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 21ST OCT. 2024: REVISED – 24TH JAN. 2025: ACCEPTED – 6TH MAC. 2025)

ABSTRACT

Zakat is one of the five pillars of Islam obligated on each Muslim who have fulfilled the specific requirements. Nowadays, zakat distribution has been expanded in the form of business capital aids to develop the potential of asnaf with ability to work and to enhance their economic level a sustainable manner. The purpose of the study is to identify and describe the form of value added of asnaf entrepreneurial program towards the empowerment of economic potential as well as to measure the economic status of the asnaf entrepreneurs based on the Human Capital Theory. The data collection has been conducted through

distribution of questionnaire involving 40 asnaf entrepreneurs selected through the non-probability sampling namely the purposive sampling. The data are analysed descriptively by the central tendency values which are the mean and standard deviation. The study findings shows asnaf entrepreneurial program value added for asnaf economic potential empowerment has occurred in the form of increased entrepreneurial competencies, availability of business resources and product market opportunities. The level of economic status of the asnaf entrepreneurs show high achievement scores. The findings proved that zakat distribution in the form of asnaf entrepreneurial program can reduce poverty among asnaf who possess business capabilities in long run in line with Human Capital Theory. The implication of the study reiterates that it is worth expanding the scope of the asnaf entrepreneurial program, so that zakat resources able to develop the asnaf long-term socio-economic potential. The originality of the study lies in the initiative to examine value added and to measure the increased of economic level derived from the program empirically.

Keywords: zakat; asnaf entrepreneur; Poverty; Human Capital Theory; SDG

ABSTRAK

Zakat merupakan rukun Islam yang menjadi kewajiban individu Muslim yang memenuhi syarat tertentu. Kini agihan zakat telah diperluaskan dalam bentuk bantuan modal perniagaan bagi membina potensi asnaf yang memiliki keupayaan berusaha dan meningkatkan taraf ekonomi mereka secara mampan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan bentuk nilai tambah program Usahawan Asnaf terhadap pemerkasaan potensi ekonomi serta mengukur tahap peningkatan taraf ekonomi usahawan asnaf terlibat berdasarkan Teori Modal Insan. Pengumpulan data telah dilakukan melalui edaran soalselidik melibatkan 40 orang usahawan asnaf yang dipilih melalui teknik persampelan bukan kebarangkalian jenis teknik persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis secara deskriptif melalui nilai kecenderungan terpusat iaitu min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapat nilai tambah program Usahawan Asnaf terhadap pemerkasaan potensi ekonomi usahawan asnaf, berlaku dalam bentuk peningkatan kemahiran keusahawanan, ketersediaan sumber modal perniagaan dan peluang pemasaran produk. Tahap peningkatan taraf ekonomi usahawan asnaf menunjukkan tahap pencapaian yang tinggi. Dapatkan ini membuktikan

pelaksanaan agihan zakat berbentuk program keusahawanan asnaf dapat mengurangkan kemiskinan jangka masa panjang bagi kelompok asnaf yang memiliki kemampuan bermula selari dengan Teori Modal Insan. Implikasinya, program keusahawanan asnaf wajar diperluaskan skopnya supaya sumber zakat turut membina potensi sosio-ekonomi asnaf dalam jangka masa panjang. Keaslian kajian ini terletak pada inisiatif mengkaji nilai tambah dan mengukur peningkatan taraf ekonomi daripada program secara empirikal.

Kata kunci: zakat; usahawan asnaf; kemiskinan; Teori Modal Insan; SDG

PENGENALAN

Kemiskinan merujuk kepada nasib isi rumah ataupun individu yang tidak mampu memenuhi keperluan asas seperti pakaian atau tempat tinggal serta memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan untuk memenuhi keperluan hidupnya (Kartini 2016). Kemiskinan merupakan sebuah fenomena yang masih berterusan dan wujud di seluruh negara di dunia (Tang et al., 2023; Ria et al. 2016). Kemiskinan adalah isu global yang tidak terhad kepada negara mundur, bahkan turut berlaku dalam kalangan negara membangun dan maju. Sehubungan itu agenda Pembangunan global masakini telah memperuntukkan matlamat pembasmian segala bentuk kemiskinan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals atau SDG) (United Nations 2023). Menurut Francesco et al. (2021), negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) turut mengalami fenomena kemiskinan di mana wujud ketidaksamaan pendapatan di bandar yang meningkat secara ketara di kebanyakan kawasan metropolitan Amerika seperti di New York dan Los Angeles. Rentetan itu, kemiskinan merupakan pemacu utama ketidaksamaan pendapatan yang berlaku di bandar-bandar utama Amerika. Berdasarkan Hassan (2018), kemiskinan berlaku apabila golongan yang dikenali miskin bandar tidak mampu untuk menikmati kemewahan atau memiliki kehidupan yang lebih selesa disebabkan faktor-faktor tertentu. Antara faktornya adalah individu itu mempunyai status sosioekonomi yang rendah, tahap pendidikan yang rendah atau krisis ekonomi (Zin dan Tambi, 2018). Dalam kajian lain oleh Osviantori et al., (2024) di Indonesia, menemui faktor pertumbuhan populasi penduduk yang pantas dan tidak terkawal berhubungan langsung dengan kemiskinan yang berlaku di wilayah terlibat.

Menurut perspektif agama Islam, perbincangan tentang kemiskinan tidak dapat dipisahkan daripada konsep zakat di mana dua kelompok teratas dalam kategori asnaf adalah terdiri daripada golongan fakir dan miskin (Ibrahim et al., 2023; Bahri et al., 2023). Justeru ia menunjukkan Islam sebagai Addin syumul mengiktiraf fitrah dalam kehidupan manusia dan secara tidak langsung mempunyai penyelesaian khusus bagi meredakan situasi tersebut. Melalui ibadat zakat yang dilakukan oleh individu Muslim dengan niat untuk menunaikan kewajipan agama, secara tidak langsung juga akan membolehkan individu Muslim lain yang memerlukan bantuan disebabkan pelbagai jenis kategori kesempitan hidup, dapat memperolehi bantuan dan berpeluang merasa kurniaan rezeki Allah (Muzakir, 2023). Sehubungan itu zakat mempunyai dua dimensi iaitu menegak (vertical) dan mendatar (horizontal). Dimensi hubungan menegak merujuk kepada hubungan kepatuhan kepada Allah, manakala hubungan mendatar merujuk kepada tanggungjawab hubungan sesama manusia (Nor dan Mohamad, 2023).

Hukum kewajipan zakat telah dijelaskan di dalam ayat Al Quran, antaranya dalam ayat yang bermaksud:

“Dan (ingatlah wahai Muhammad), Ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak yatim serta orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat. Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil daripada kamu dan sememangnya kamu orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya” (Al Quran, 1: ayat 83).

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul supaya kamu beroleh Rahmat” (Al Quran, 18: ayat 56).

Kewajipan mengeluarkan zakat adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Syariah, antaranya daripada segi had nasab iaitu merujuk kepada had minimum harta yang perlu dikeluarkan zakat (Bahri et al. 2023; Widiyanto

dan Zenudin 2022). Ini bermaksud kewajipan mengeluarkan zakat adalah dikenakan kepada individu Muslim yang berkemampuan daripada sudut milikan harta. Syarat-syarat lain bagi kewajipan mengeluarkan zakat ialah Islam, merdeka, dan cukup haul (PPZ 2023).

Zakat adalah diagihkan kepada penerima khusus yang dikenali sebagai asnaf (Bahri et al. 2023). Berdasarkan ayat ke-60 Surah At Taubah, terdapat lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat terdiri daripada fakir, miskin, amil zakat, mualaf, untuk memerdekaan hamba (Riqab), untuk membebaskan orang berhutang (Gharimin) yang tiada sumber untuk menjelaskan hutang yang diharuskan syarak, untuk perjuangan atau usaha menegakkan agama Allah (Fisabilillah) dan musafir yang kehabisan bekalan dalam perjalanan yang baik kepada Islam dan umatnya atau orang Islam yang tiada perbekalan di jalanan. Agihan zakat perlu memberi keutamaan kepada kelompok asnaf Muqaddam yang terdiri daripada golongan fakir, miskin dan mualaf (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Hal demikian kerana golongan tersebut sangat memerlukan dan berhajat kepada bantuan dan perlu diutamakan dalam agihan zakat berbanding kumpulan asnaf Muakkhar. Asnaf Muakkhar terdiri daripada golongan Riqab, Gharimin, Fisabilillah dan Ibnu Sabil.

Sehubungan itu, zakat merupakan medium penting bagi memperkasa potensi ekonomi dan meningkatkan pendapatan kelompok asnaf miskin dalam sesebuah kelompok masyarakat Islam. Pada masa kini juga agihan zakat telah dipelbagaikan bentuknya seperti agihan yang dalam bentuk bantuan dan bimbingan keusahawanan bagi memperkasa keupayaan asnaf membina ekonomi mereka secara mapan dan jangka panjang. Walau bagaimanapun sejauh mana kesan program terhadap pemerkasaan potensi ekonomi masih memerlukan penelitian yang melibatkan bilangan responden yang mencukupi agar generalisasi penemuan dapat dilakukan berdasarkan petunjuk data empirikal. Berikut itu, artikel ini bertujuan mengenal pasti dan mengurai bentuk nilai tambah Program Usahawan Asnaf terhadap potensi pemerkasaan ekonomi dan mengukur tahap peningkatan taraf ekonomi usahawan asnaf terlibat.

SOROTAN KARYA

Konsep Zakat

Zakat adalah konsep yang berbeza daripada percukaian kerana zakat merupakan kewajipan syarak ke atas setiap individu Muslim bagi tujuan membersihkan harta

dan bukan obligasi sebagai warganegara yang bermastautin dalam sesebuah negara (Nadzari et al., 2012). Kewajipan mengeluarkan zakat sebagai bentuk penyucian diri dinyatakan dalam ayat Al Quran berikut:

“Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak buruk), dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu adalah ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui” (Al Quran, 11: ayat 103).

Penyucian atau proses membersihkan harta tersebut perlu bagi memastikan harta yang dimiliki adalah tidak termasuk bahagian yang merupakan hak orang lain. Menurut perspektif Islam, harta yang dimiliki oleh seseorang itu tidak sepenuhnya menjadi milik mereka disebabkan ada bahagian dalam harta yang dikurniakan adalah milik orang lain yang berhak. Hal tersebut dirujuk kepada ayat berikut:

“Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)” (Al Quran, 26: ayat19).

Dalam konteks pelaksanaan pengurusan zakat masa kini, elemen pembaharuan dan pemodenan bagi memudah cara dan meningkatkan keberkesanan kutipan dan agihan zakat telah diterapkan berselari perkembangan semasa. Umpamanya, merujuk kepada kajian Salleh et al. (2022), teknologi digital telah dioptimumkan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan zakat samada bagi tujuan kutipan atau agihan. Hal ini seiring dengan perkembangan teknologi digital yang berlaku dalam masyarakat Muslim masa kini. Demikian juga kajian oleh Omar et al. (2022) telah meneliti aspek berkaitan adaptasi teknologi urusan dalam talian dalam pembayaran zakat. Aplikasi tersebut membuktikan pelaksanaan pengurusan zakat boleh mengambil kira pemodenan dan perubahan teknikal dalam cara masyarakat Muslim selagi mana tidak menjelaskan kesahihan urusan daripada segi hukum syarak.

Dalam konteks pengagihan zakat kepada kelompok asnaf, ia turut dipelbagaikan dalam beberapa bentuk agihan. Merujuk kajian Sulong et al. (2022), agihan zakat oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah telah dilaksanakan dalam pelbagai bentuk agihan sejajar dengan kaedah fiqh dan masalah ummah. Dapatkan kajian tersebut telah menyenaraikan beberapa kaedah pengagihan kepada kelompok asnaf yang layak seperti skim bantuan musibah, skim bantuan pembangunan ummah, skim bantuan pendidikan, skim bantuan perniagaan/jayadiri, skim bantuan perubatan, skim bantuan perumahan, skim bantuan sara hidup, skim pengurusan pentadbiran dan skim wakalah agihan. Dalam skop agihan di bawah skim bantuan perniagaan/jayadiri, pengagihan adalah dalam bentuk bantuan perniagaan seperti modal, peralatan dan kelengkapan dan keperluan yang diperlukan bagi asnaf menjalankan perniagaan. Skim agihan tersebut telah melibatkan sejumlah RM 1,409,224 pada tahun 2020 dan meningkat kepada RM 1,825,761 pada tahun 2021 (Sulong et al., 2022). Sehubungan itu, ia menunjukkan bahawa agihan dalam bentuk bantuan perniagaan adalah salah satu daripada bentuk agihan bentuk baharu yang disesuaikan dengan konteks keperluan asnaf yang layak.

Kajian oleh Masruki et al. (2021) juga menunjukkan pengagihan zakat yang diamalkan adalah seiring dengan isu dan perkembangan konteks asnaf yang memerlukan. Menurut dapatan kajian Masruki et al. (2021), agihan zakat telah menggunakan pelbagai mekanisme saluran agihan yang bersesuaian selari dengan tahap sosio-ekonomi setiap kategori asnaf terlibat. Kajian tersebut meneliti bentuk agihan semasa krisis COVID-19 di Malaysia di mana setiap asnaf yang layak mempunyai isu dan keperluan bantuan yang berbeza. Justeru agihan telah dibuat dengan mengambil kira keperluan tersebut termasuk konteks asnaf dalam kategori peniaga kecil dan penjaja yang menerima bantuan dalam bentuk bantuan tunai dan bayaran sewa kedai dan bazar untuk tempoh beberapa bulan.

Berdasarkan sorotan karya didapati usaha pembasmian kemiskinan jangka panjang berpotensi dijayakan melalui mekanisme zakat yang diagihkan dalam bentuk atau kaedah yang bersesuaian dengan keperluan kelompok sasaran. Agihan zakat mengikut keperluan asnaf dalam bentuk modal dan bantuan keusahawanan adalah selari dengan inisiatif membangunkan potensi diri dalam kalangan asnaf fakir dan miskin yang berkeupayaan untuk berdikari menjana pendapatan berlandaskan kerangka Teori Modal Insan.

Pembasmian Kemiskinan Melalui Agihan Zakat Bentuk Modal Perniagaan

Kemiskinan di negara sedang membangun merupakan antara isu penting yang tidak pernah selesai walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan bagi membasminya (Radieah 2017). Isu kemiskinan perlu kepada inisiatif dan komitmen berterusan daripada pelbagai sumber dengan melibatkan pelbagai kaedah dan platform bagi mencapai sasaran pembasmiannya. Dalam konteks pembasmian kemiskinan, zakat adalah satu bentuk ibadat dalam agama Islam yang dapat berperanan meredakan isu kemiskinan dalam kalangan ummah seperti dinyatakan dalam kajian lepas (Bahri et al., 2023; Nor & Mohamad, 2023; Miah, 2021; Al-Hadhrami et al., 2021; Nadzri et al., 2012). Sehubungan itu, institusi zakat di Malaysia sebagai entiti yang bertanggungjawab menguruskan dana zakat mengikut negeri, turut mengambil peranan dalam skop merancakkan potensi ekonomi dan kebajikan golongan asnaf (Azman et al., 2016). Sejajar dengan perbincangan agihan zakat masa kini yang mengambil kira situasi keperluan khusus golongan asnaf, agihan bantuan telah dikembangkan dalam bentuk program berasaskan bantuan modal perniagaan. Menurut Dayang et al. (2020), bantuan modal zakat adalah salah satu bentuk bantuan yang disalurkan oleh agensi zakat di Malaysia dalam membantu golongan asnaf yang melibatkan diri mereka di dalam dunia perniagaan yang berpotensi mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik berbanding sebelumnya. Berdasarkan hasil kajian tersebut, ditemui pihak agensi zakat telah memberikan bantuan modal daripada sumber zakat seperti bantuan peralatan, bantuan kemahiran serta bantuan kewangan.

Di samping itu, menurut Meerangani et al. (2021) implementasi model transformasi usahawan asnaf menerusi Program Pembangunan Ekonomi Asnaf merupakan inisiatif proaktif Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk membantu meningkatkan potensi golongan asnaf dalam sektor keusahawanan. Hasil kajian tersebut mendapat LZS telah berjaya mencapai objektif program yang disasarkan melalui perubahan status para peserta daripada penerima zakat kepada pembayar zakat yang aktif (Dayang et al., 2020 dan Meerangani et al., 2021). Sejajar dengan agihan zakat berasaskan skim bantuan perniagaan, sekelompok usahawan dalam konteks masyarakat di Malaysia telah wujud, iaitu dikenali usahawan asnaf. Golongan asnaf yang menceburi bidang keusahawanan atau usahawan asnaf merujuk kepada golongan asnaf yang ditransformasikan daripada kumpulan asnaf

fakir dan miskin kepada golongan usahawan (Khalil dan Saniff, 2022). Namun begitu usaha mentransformasi potensi keupayaan ekonomi asnaf melalui program keusahawanan bukan usaha yang mudah berikutan cabaran tertentu seperti sikap asnaf, kurang pemantauan berterusan ke atas progres dan isu perniagaan daripada pihak berkepakaran dan kurang kemahiran mengurus perniagaan (Ibrahim et al., 2023; dan Adnan et al., 2021). Menurut Moen et al. (2012), usahawan asnaf ialah antara sub-kelompok perniagaan berskala secara mikro dan kecil yang sering berhadapan dengan berbagai masalah berkaitan pengurusan kewangan. Situasi tersebut akan menjelaskan sasaran membasmikan kemiskinan tegar melalui bantuan zakat yang diagih dalam bentuk bantuan modal perniagaan. Sedangkan bantuan modal perniagaan yang disalurkan bertujuan membina potensi asnaf untuk berdikari menjana pendapatan secara mapan dalam jangka masa panjang berdasarkan Teori Modal Insan. Kajian dilakukan pengkaji terdahulu seperti Meerangani et al. (2023); Joremi et al. (2023); dan Ibrahim et al. (2023) telah menunjukkan keberhasilan positif program usahawan asnaf dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan asnaf terlibat. Malahan dalam konteks di luar negara seperti di Indonesia, program usahawan asnaf juga telah berjaya mentransformasi kelompok asnaf fakir miskin daripada golongan Mustahiq (penerima zakat) menjadi Muzakki (pembayar zakat) (Bahri et al. 2023).

Asas bagi pelaksanaan program pemberdayaan potensi ekonomi golongan miskin dapat dapat disandarkan kepada hujah Teori Modal Insan. Teori Modal Insan menyatakan manusia boleh dilatih dan dibimbing bagi mencapai potensi produktiviti yang optimum dan terbaik. Teori Modal Insan pada asalnya dibangunkan bagi menghuraikan nilai dan kepentingan peranan pendidikan terhadap potensi individu. Teori ini menghujahkan pengetahuan dan kemahiran individu mempunyai nilai ekonomi yang tidak sama darjah nilainya. Sehubungan itu, teori ini menghujahkan bahawa pelaburan dalam meningkatkan potensi pengetahuan dan kemahiran modal insan sebagai sesuatu yang penting kerana teori ini berpendapat bahawa individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi adalah lebih produktif dan dapat menjana pendapatan yang lebih berbanding mereka yang kurang (Marvel et. al., 2016). Secara tradisionalnya, modal insan dikonseptualisasikan sebagai pengetahuan, kemahiran and *on-the-job training* yang mempunyai nilai ekonomi. Namun konsep tersebut telah dikembangkan lagi dalam literatur keusahawanan dengan memasukkan elemen pertimbangan, pembuatan keputusan dan pandangan (insight).

Teori Modal Insan

Modal insan ditakrifkan sebagai segala kebolehan yang dimiliki oleh manusia samada secara dalaman atau diperolehi daripada luar menerusi pembelajaran (CIPD 2017). Takrif tersebut mengiktiraf sebarang usaha untuk membangunkan insan melalui usaha atau program tertentu bagi membolehkan mereka mencapai potensi terbaik diri dan membuat pilihan bebas mencapai perkara yang diinginkan dalam hidup. Teori Modal Insan adalah relevan bagi menggerakkan keusahawanan yang berjaya disebabkan faktor berikut (Krieger et al., 2022; Marvel et al., 2016):


1. Modal insan adalah penggerak kepada usaha meneroka dan mencipta peluang keusahawanan;
2. Modal insan akan mengeksplotasi peluang dengan mendapatkan modal dan menubuhkan entiti perniagaan bagi merealisasikan sesuatu idea perniagaan; dan
3. Modal insan membantu dalam pengumpulan pengetahuan baharu dan penciptaan kelebihan bagi sebuah firma baharu.

Kajian oleh Estrin et al. (2016) membuktikan modal insan spesifik (specific human capital) adalah lebih penting dan perlu dalam keusahawanan komersil, manakala modal insan umum (general human capital) penting dalam keusahawanan sosial. Justeru kesan modal insan terhadap prestasi perniagaan adalah dijangka bergantung kepada prinsip hukum tersebut. Modal insan umum merujuk kepada individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang boleh diserap masuk atau digunakan dalam pelbagai pekerjaan dan industri, manakala modal insan spesifik adalah individu yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang spesifik bagi sesuatu konteks pekerjaan atau sektor.

Aplikasi Teori Modal Insan dijangkakan wujud pada pelbagai bentuk bimbingan latihan dan bantuan modal melalui program zakat perniagaan selari dengan pembentukan kapasiti potensi modal insan yang spesifik sehingga mereka mampu keluar daripada kemiskinan melalui platform perniagaan yang dijalankan dengan kompetensi secukupnya. Ia sejajar dengan penemuan kajian Krieger et al. (2022) yang menemui pentingnya menerapkan kepelbagaian kemahiran menerusi

pelbagai platform pendedahan bagi melahirkan usahawan terutama bagi kelompok individu yang tidak memiliki personaliti keusahawanan (*entrepreneurial personality*) yang semulajadi. Malahan kajian oleh Lillo dan Lajara (2002) telah membuktikan bahawa kejayaan sesebuah perniagaan baharu yang dilakukan adalah banyak bergantung kepada modal insan iaitu terutama kemahiran yang dimiliki oleh pemiliknya atau usahawan. Justeru ia memberi justifikasi relevannya Teori Modal Insan dalam perbincangan berkaitan usaha khusus oleh mana-mana agensi bagi memupuk potensi optimum usahawan dalam kalangan peserta sasaran. Dalam skop aplikasi Teori Modal Insan dan usahawan asnaf, kajian Bahri et al. (2023) didapati telah pun menggunakan Teori Modal Insan bagi meneliti perkaitan di antara pengetahuan, kemahiran dan kebolehan terhadap kejayaan perniagaan usahawan asnaf di negara Indonesia. Sehubungan itu ia menjustifikasi kesesuaian Teori Modal Insan dalam konteks artikel ini.

Artikel ini telah mengkaji secara khusus skim agihan yang dilaksanakan dalam bentuk bantuan perniagaan dengan meneliti apakah nilai tambah yang dihasilkan program sedemikian ke atas usaha membina keupayaan potensi ekonomi asnaf dan mengukur tahap peningkatan taraf ekonomi yang dinikmati asnaf terlibat selari dengan hujah Teori Modal Insan. Sehubungan itu kajian ini akan mengaplikasi Teori Modal Insan bagi meneliti konteks pencapaian usahawan asnaf di Malaysia dengan menjelaki kepada bentuk nilai tambah diperolehi dan mengukur peningkatan hasil program usahawan asnaf dalam usaha membasmi kemiskinan sejajar Teori Modal Insan seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Model Kajian

Menurut kajian Meerangani dan Azman (2019), Usahawan Asnaf merupakan kelompok fakir dan miskin yang ditransformasi daripada asnaf bukan

produkif menjadi asraf produkif melalui aktiviti keusahawanan. Proses transformasi tersebut melibatkan sokongan institusi zakat negeri dalam bentuk bantuan dan bimbingan bagi membina kemampuan melakukan proses penciptaan nilai dalam usaha niaga melalui sumber zakat. Sehubungan itu kajian ini telah dilakukan khusus bagi menilai dan menghurai secara objektif dan kolektif pandangan usahawan asraf berkaitan dimensi seperti ditunjukkan Rajah 1. Kerangka kajian telah dioperasikan sebagai sebuah penelitian deskriptif bagi menghurai dan mengukur nilai tambah daripada program agihan zakat bentuk modal/bantuan perniagaan dan pencapaian prestasi ekonomi usahawan asraf, secara berasingan setiap satunya.

METODOLOGI

Skop kajian adalah golongan usahawan asraf yang terlibat dalam program bantuan perniagaan anjuran Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Berikutan itu, populasi bagi kajian adalah merujuk kepada peserta usahawan asraf yang terlibat dalam Program Usahawan Asraf di bawah LZNK iaitu seramai 45 orang. Saiz sampel bagi kajian ini dipilih mengikut kiraan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970) ialah seramai 40 orang. Pemilihan responden usahawan asraf dibuat dengan merujuk kepada senarai nama dan alamat usahawan asraf yang diperolehi daripada laman sesawang rasmi LZNK. Teknik persampelan yang akan digunakan bagi kajian ini adalah teknik persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan.

Reka bentuk kajian yang akan digunakan bagi kajian ini adalah reka bentuk kajian kuantitatif yang melibatkan pengedaran soal selidik. Pengedaran soal selidik dibuat dengan terlebih dahulu menghubungi bakal responden dan memaklumkan hasrat mahu mengedar soal selidik untuk tujuan kajian. Pengedaran soal selidik telah dibuat melalui *google form*. Borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu pada Bahagian A merupakan demografi responden, pada Bahagian B merupakan maklumat perniagaan, Bahagian C nilai tambah dalam Program Usahawan Asraf untuk memperkasakan ekonomi dan Bahagian D pula pencapaian taraf hidup ekonomi usahawan asraf. Bahagian nilai tambah program dibahagikan kepada sub-elemen latihan, elemen modal dan peluang perniagaan. Skala jawapan responden adalah menggunakan skala Likert di antara nilai : 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=sederhana setuju, 4=setuju dan 5=sangat setuju. Bersesuaian dengan skop objektif kajian analisis

statistik deskriptif melibatkan ukuran kecenderungan memusat jenis min dan sisihan piawai telah digunakan bagi mempersempitkan data kajian.

Batasan dihadapi kajian adalah untuk mendapatkan senarai nama usahawan asraf dalam proses penentuan rangka persampelan bagi menentukan saiz sampel disebabkan faktor sulit dan kerahsiaan. Walau bagaimanapun, batasan tersebut telah diatasi dengan merujuk senarai usahawan asraf yang diterbitkan dalam laman sesawang LZNK. Selain itu, batasan kajian yang kedua adalah untuk mendapatkan kerjasama usahawan asraf dalam menjawab soal selidik. Batasan ini telah diuruskan dengan terlebih dahulu menghubungi responden dan memaklumkan tujuan kajian serta meminta kebenaran untuk mengedarkan soalselidik melalui kaedah dalam talian melalui *google form*. Jaminan kerahsiaan diberikan kepada usahawan terlibat bahawa maklum balas mereka dan identiti mereka dirahsiakan dan tidak didedahkan kepada mana-mana pihak.

ANALISIS

Analisis kajian dibahagikan kepada tiga sub-bahagian iaitu profil responden, nilai tambah program terhadap potensi ekonomi usahawan asraf dan peningkatan potensi ekonomi usawan asraf.

Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang memberi maklum balas kepada kajian.

Jadual 1: Profil Responden

Aspek	Kategori	Bilangan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	11	27.5
	Perempuan	29	72.5
Status Perkahwinan	Bujang	3	7.5
	Berkahwin	37	92.5
Umur	Lain-lain	-	-
	18-20 Tahun	-	-
	21-30 Tahun	-	-
	31-40 Tahun	5	12.5
	41-50 Tahun	31	77.5

	51 dan ke atas	4	10
Tahap Pendidikan Tertinggi	UPSR	-	-
	SRP/PMR	3	7.5
	SPM	34	85
	Diploma	1	2.5
	STPM	2	2
	Ijazah Sarjana Muda	-	
Pendapatan isi rumah sebulan (sebelum menyertai Program Usahawan Asnaf)	RM1,000 dan ke bawah	35	87.5
	RM1,001- RM5,000	5	12.5
Program Usahawan Asnaf)	RM5,001- RM10,000	-	-
Pendapatan isi rumah sebulan (selepas menyertai Program Usahawan Asnaf)	RM5,000 dan ke bawah	37	92.5
	RM5,001 – RM11,00	3	7.5
Program Usahawan Asnaf)	RM11,001 dan ke atas	-	-
Tempoh menyertai Program Usahawan Asnaf anjuran Lembaga Zakat Negeri Kedah	Kurang 5 Tahun	1	2.5
	5 Tahun -10 Tahun	28	70
	10 Tahun dan ke atas	11	27.5

Berdasarkan maklumat dalam Jadual 1, pola majoriti responden adalah jantina perempuan (72.5%), kategori berkahwin (92.5%), berusia di antara 41 hingga 50 tahun (77.5%) dan mempunyai tahap pendidikan tertinggi yang terhad pada kelulusan peringkat sekolah menengah iaitu SPM (85%) serta SRP/PMR (7.5%). Hampir 70% daripada responden telah menerima atau terlibat dengan program usahawan asnaf LZNK untuk tempoh 5 hingga 10 tahun. Justeru tempoh tersebut dianggap munasabah dan wajar bagi penilaian potensi ekonomi dan mampu memberi pandangan mengenai nilai tambah yang diperolehi daripada program. Berdasarkan perbandingan maklumat pendapatan isi rumah sebelum dan selepas menyertai program, menunjukkan secara umumnya berlaku peningkatan dalam pendapatan selepas menyertai program. Sehubungan itu,

diandaikan wujud peningkatan potensi dan taraf ekonomi usahawan asnaf berikut daripada peningkatan pendapatan isi rumah yang berlaku.

Jadual 2 mempersembahkan profil perniagaan responden kajian. Majoriti responden (97.5%) terlibat dalam perniagaan makanan. Jenis perniagaan berkaitan makanan adalah bentuk yang senang untuk diceburi dan membabitkan kemahiran serta kebolehan yang lazim dimiliki oleh kebanyakan orang terutama golongan wanita yang juga merupakan majoriti responden bagi kajian ini. Hampir 65% responden telah menggunakan modal sendiri semasa memulakan perniagaan mereka dan 5% menggunakan bantuan zakat bagi memulakan perniagaan. Justeru ia menunjukkan kebanyakan usahawan asnaf mendapatkan bantuan modal daripada sumber zakat bagi mengembang dan menampung keperluan perniagaan yang dijalankan.

Jadual 2: Maklumat Perniagaan Responden Kajian

Aspek	Kategori	Bilangan	Peratusan (%)
Jenis	Makanan	39	97.5
Industri/Perniagaan yang diceburi	Perkhidmatan	1	2.5
	Peruncitan	-	-
Tahun memulakan perniagaan	Tahun 1990 dan ke bawah	1	2.5
	Tahun 1991- tahun 2001	3	7.5
	Tahun 2002- tahun 2012	31	77.5
	Tahun 2013 dan ke atas	5	12.5
Modal semasa memulakan perniagaan	Modal sendiri	26	65
	Bantuan zakat	8	20
	Modal gabungan: Modal sendiri dan bantuan zakat	6	15
Tempoh bermula seingga kini	1-5 tahun	-	-
	6-10 tahun	5	12.5
	11-20 tahun	26	65
	21 tahun dan ke atas	9	22.5
Hak milik perniagaan	Perniagaan warisan keluarga	38	95
	Perniagaan persendirian	2	5

Nilai Tambah Program Usahawan Asnaf

Maklumat berkaitan nilai tambah dipersembahkan mengikut tiga elemen iaitu latihan/kursus, modal dan peluang perniagaan. Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif nilai tambah berkaitan elemen latihan/kursus.

Jadual 3: Analisis Peratusan Kekerapan, Sisihan Piawai dan Skor Min bagi Elemen Latihan/Kursus.

Pernyataan	Kekerapan (%)					Min	Sisihan piawai	Tahap
	1	2	3	4	5			
Program Usahawan Asnaf	-	-	-	3 (7.5)	37 (92.5)	4.92	0.27	Tinggi
1. membolehkan saya menceburい bidang perniagaan								
Latihan/Kursus dalam Program Usahawan Asnaf	-	-	-	4 (10.0)	36 (90.0)	4.90	0.30	Tinggi
2. mengajar saya cara untuk menarik/melayan pelanggan dengan lebih efektif								
Latihan/Kursus dalam Program Usahawan Asnaf	-	-	-	5 (12.5)	35 (87.5)	4.87	0.33	Tinggi
3. yang diterima membantu saya untuk memulakan perniagaan								
Latihan/Kursus dalam Program Usahawan Asnaf	-	-	-	5 (12.5)	35 (87.5)	4.87	0.33	Tinggi
4. telah mengajar saya untuk menyimpan rekod transaksi								

perniagaan						
Latihan/Kursus						
dalam Program						
Usahawan Asnaf						
membolehkan						
5. saya belajar	-	-	3 (7.5)	5 (12.5)	32 (80.0)	4.72
menggunakan						0.60
aplikasi mudah						Tinggi
alih “Zakat on						
Touch”						

Min Keseluruhan 4.86 Tinggi

Petunjuk: 1= Sangat tidak setuju; 2= Tidak setuju; 3= Sederhana setuju; 4= Setuju; 5= Sangat setuju

Berdasarkan Jadual 3, kesemua lima pernyataan telah mencatatkan skor min tinggi dengan nilai sisihan piawai yang kecil. Pernyataan bagi elemen latihan/kursus yang mencatatkan skor min tertinggi adalah pernyataan “Program Usahawan Asnaf membolehkan saya mencebur bidang perniagaan iaitu sebanyak 4.92. Pernyataan ini dibuktikan lagi dengan majoriti responden memilih skala sangat setuju iaitu sebanyak 37 responden (92.5%) manakala skala setuju sebanyak 3 responden (7.5%). Pernyataan ini mendapat skor min tertinggi disebabkan kebanyakan responden menyatakan bahawa Program Usahawan Asnaf anjuran Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dapat memberikan mereka peluang untuk melibatkan diri mereka dalam bidang perniagaan dan majoriti responden terlibat dengan perniagaan seperti makanan kerana ianya mudah. Pernyataan yang mendapat skor min rendah 4.72 adalah “Latihan/Kursus Program Usahawan Asnaf membolehkan saya belajar menggunakan aplikasi mudah alih “Zakat on Touch”. Hal ini kerana terdapat beberapa orang responden yang menyatakan mereka tidak mahir dengan penggunaan aplikasi mudah alih seperti aplikasi “Zakat on Touch” yang diwujudkan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan lebih memilih untuk memasarkan produk mereka melalui medium seperti Whatsapp, Facebook atau Instagram sahaja. Min keseluruhan untuk elemen latihan/kursus adalah sebanyak 4.86 dan ianya berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif nilai tambah berkaitan elemen ketersediaan modal. Berdasarkan kepada Jadual 4 kesemua enam pernyataan yang dicatatkan skor min yang tinggi dan nilai sisihan piawai yang kecil. Skor min yang tertinggi diperolehi bagi pernyataan “Saya mendapat peralatan/mesin untuk memudahkan saya menjalankan aktiviti perniagaan” iaitu sebanyak 4.93. Ini dibuktikan dengan majoriti responden memilih skala sangat setuju sebanyak 37 responden (92.5%) dan skala setuju sebanyak 3 responden (7.5%). Kebanyakkann responden memilih skala sangat setuju untuk pernyataan ini kerana kesemua responden telah mendapat peralatan/mesin daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) untuk perniagaan mereka. Min keseluruhan untuk elemen nilai tambah berkaitan ketersediaan modal diperlukan adalah sebanyak 4.23 dan berada pada tahap yang tinggi. Di samping itu skor min kedua tertinggi iaitu 4.76 dicatatkan bagi pernyataan “Saya mendapat bantuan penriagaan dalam bentuk modal bagi memulakan perniagaan” dan item “jumlah bantuan modal yang dibrikan adalah mencukupi untuk saya menjalankan penriagaan” dengan skor min 4.75. Min keseluruhan untuk elemen nilai tambah modal adalah sebanyak 4.23 dan ianya berada pada tahap yang sederhana tinggi.

Jadual 4: Analisis Peratusan Kekerapan, Sisihan Piawai dan Skor Min bagi Elemen Modal.

Pernyataan	Kekerapan (%)					Min	Sisihan piawai	Tahap
	1	2	3	4	5			
Saya mendapat bantuan perniagaan dalam bentuk modal bagi memulakan perniagaan.	-	1 (2.5)	1 (2.5)	4 (10.0)	34 (85.0)	4.76	0.62	Tinggi
Jumlah bantuan modal yang diberikan adalah mencukupi untuk saya menjalankan perniagaan.	-	1 (2.5)	1 (2.5)	5 (12.5)	33 (82.5)	4.75	0.63	Tinggi
Saya mendapat premis perniagaan untuk disewa melalui	3 (7.5)	5 (12.5)	2 (5.0)	5 (12.5)	25 (62.5)	4.10	1.37	Tinggi

Program Usahawan
Asnaf.

Saya mendapat								
Foodtruck@kenderaan	20	9	2	4	5	2.13	1.45	Tinggi
4.n bagi melancarkan	(50.0)	(22.5)	(5.0)	(10.0)	(12.5)			
aktiviti perniagaan								
saya.								
Saya mendapat								
peralatan/mesin untuk								
5.memudahkan saya	-	-	-	3	37	4.93	00.27	Tinggi
menjalankan aktiviti				(7.5)	(92.5)			
perniagaan.								
Saya mendapat								
bantuan dalam bentuk	1	2	-	3	34	4.68	0.92	Tinggi
6. modal bagi perniagaan	(2.5)	(5.0)	-	(7.5)	(85.0)			
awal saya.								

Min Keseluruhan 4.23

**Sederhana
Tinggi**

Petunjuk: 1= Sangat tidak setuju; 2= Tidak setuju; 3= Sederhana setuju; 4= Setuju; 5= Sangat setuju

Jadual 5 menunjukkan analisis deskriptif nilai tambah berkaitan elemen peluang pemasaran. Berdasarkan Jadual 5 elemen peluang pemasaran perniagaan mencatatkan skor min secara keseluruhan sebanyak 3.77. Pernyataan yang mencatatkan skor min tertinggi adalah “Saya dapat memasarkan produk saya di platform perniagaan online Lembaga Zakat Negeri Kedah seperti Facebook, Instagram” iaitu sebanyak 4.75. Hal ini dibuktikan dengan majoriti responden memilih skala sangat setuju iaitu sebanyak 34 responden (85.0%) dan diikuti dengan skala setuju sebanyak 4 responden (10.0%) dan bagi skala sederhana setuju dan skala tidak setuju mendapat jumlah responden yang sama iaitu sebanyak 1 responden (2.5%). Responden bersetuju dengan pernyataan ini kerana wujudnya satu platform atas talian yang dikendalikan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) iaitu platform seperti Facebook dengan pemegang akaun yang Bernama “Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman”. Platform ini telah memudahkan usahawan asnaf yang berkelayakan untuk memasarkan produk

mereka. Min keseluruhan untuk elemen nilai tambah peluang perniagaan adalah sebanyak 3.77 dan ianya berada pada tahap yang sederhana.

Jadual 5: Analisis peratusan kekerapan, Sisihan Piawai dan skor min bagi elemen peluang perniagaan.

Pernyataan	Kekerapan (%)					Min	Sisihan piawai	Tahap
	1	2	3	4	5			
1. Saya dapat memasarkan produk saya di platform perniagaan online Lembaga Zakat Negeri Kedah seperti Facebook, Instagram.	1 (2.5)	-	1 (2.5)	4 (10.0)	34 (85.0)	4.75	0.27	Tinggi
2. Saya dapat mengiklankan produk saya melalui aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai “Zakat on Touch”	2 (5.0)	3 (7.5)	5 (12.5)	4 (10.0)	26 (65.0)	4.22	0.30	Tinggi
3. Saya mendapat kerjasama daripada syarikat terkemuka di Malaysia untuk memasarkan produk saya apabila menyertai Program Usahawan Asnaf.	26 (65.0)	5 (12.5)	-	5 (12.5)	4 (10.0)	1.87	0.33	Tinggi
4. Saya berpeluang untuk memasarkan produk saya	3 (7.5)	2 (5.0)	4 (10.0)	5 (12.5)	26 (65.0)	4.23	0.33	Tinggi

dengan
meletakkannya di
pusat gedung
membeli belah
seperti Amanjaya
Mall.

Min Keseluruhan 3.77

Sederhana

Petunjuk: 1= Sangat tidak setuju; 2= Tidak setuju; 3= Sederhana setuju; 4= Setuju; 5= Sangat setuju

Peningkatan Taraf Ekonomi

Sub tajuk ini menunjukkan sejauh mana peningkatan taraf ekonomi yang berlaku kepada usahawan asnaf. Jadual 6 menunjukkan analisis deskriptif nilai tambah berkaitan peningkatan taraf ekonomi usahawan asnaf terlibat.

Jadual 6: Analisis Kekerapan Peratus, Sisihan Piawai dan Min bagi Tahap Pencapaian Taraf Ekonomi Usahawan Asnaf

Pernyataan	Kekerapan (%)					Min	Sisihan piawai	Tahap
	1	2	3	4	5			
Program Usahawan Asnaf ini membantu 1. saya mendapatkan pendapatan yang stabil.	-	-	1 (2.5)	5 (12.5)	34 (85.0)	4.83	0.45	Tinggi
Program Usahawan Asnaf mengubah kehidupan saya 2. menjadi lebih baik.	-	-	-	5 (12.5)	35 (87.5)	4.88	0.33	Tinggi
Wang tunai saya semakin bertambah 3. selepas menyertai Program Usahawan asnaf.	-	-	-	8 (20.0)	32 (80.0)	4.80	0.41	Tinggi
Program Usahawan Asnaf membantu saya 4.	-	-	1 (2.5)	7 (17.5)	32 (80.0)	4.78	0.48	Tinggi

	mempunyai hasil simpanan kewangan.						
5.	Saya dapat membeli barang keperluan harian dalam kuantiti yang banyak.	-	3 (7.5)	15 (37.5)	11 (27.5)	11 (27.5)	3.75 0.95 Tinggi
6.	Saya dapat membeli barang yang berjenama.	25 (62.5)	3 (7.5)	3 (7.5)	4 (10.0)	5 (12.5)	2.02 1.51 Rendah
7.	Saya dapat mengasah/mencungkil bakat perniagaan saya setelah terlibat dalam Program Usahawan Asnaf.	-	-	1 (2.5)	6 (15.0)	33 (82.5)	4.80 0.46 Tinggi
8.	Saya berjaya menggunakan ilmu pengetahuan seperti kursus, latihan yang diberikan dalam perniagaan saya.	-	-	1 (2.5)	6 (15.0)	33 (82.5)	4.80 0.46 Tinggi
9.	Jualan perniagaan saya telah meningkat apabila menyertai Program Usahawan Asnaf.	-	-	1 (2.5)	6 (15.0)	33 (82.5)	4.80 0.46 Tinggi
10.	Saya dapat membuka banyak cawangan perniagaan.	12 (30.0)	8 (20.0)	9 (22.5)	4 (10.0)	7 (17.5)	2.65 1.46 Rendah
11.	Program Usahawan Asnaf ini menjadikan saya seorang usahawan yang berjaya.	-	-	4 (10.0)	7 (17.5)	29 (72.5)	4.63 0.66 Tinggi
12.	Saya berjaya menjadi seorang pembayar	-	-	2 (5.0)	4 (10.0)	34 (85.0)	4.80 0.51 Tinggi

zakat selepas beberapa
tahun mengikuti
Program Usahawan
Asnaf.

	Min Keseluruhan 4.30	Tinggi
Petunjuk: 1= Sangat tidak setuju; 2= Tidak setuju; 3= Sederhana setuju; 4= Setuju; 5= Sangat setuju		

Berdasarkan Jadual 6 pernyataan yang mendapat skor min tertinggi adalah “Program Usahawan Asnaf mengubah kehidupan saya menjadi lebih baik” iaitu sebanyak 4.88. Majoriti responden memilih jawapan sangat setuju sebanyak 35 responden (87.5%) dan setuju sebanyak 5 responden (12.5%). Hal ini menunjukkan bahawa melalui Program Usahawan Asnaf, kelompok sasaran telah berpeluang menjalankan perniagaan yang membolehkan mereka mengubah kehidupan daripada belenggu kemiskinan. Nilai skor min kedua yang tertinggi iaitu sebanyak 4.83 adalah untuk pernyataan “Program Usahawan Asnaf ini membantu saya mendapatkan pendapatan yang stabil”. Ini membuktikan melalui Program Usahawan Asnaf, asnaf fakir dan miskin yang menceburι bidang perniagaan menjalankan perniagaan secara lebih efektif dan mendatangkan pendapatan yang lebih baik berbanding sebelumnya. Ada juga dalam kalangan usahawan asnaf tersebut yang sudah pun mulakan perniagaan sendiri sebelum menyertai Program Usahawan Asnaf, namun kekangan modal menyebabkan penglibatan mereka dalam perniagaan kurang berkesan dan tidak memberikan hasil yang konsisten. Justeru penyertaan dalam program usahawan asnaf ini telah memberikan mereka peluang menjana pendapatan mencukupi dan lebih konsisten.

Nilai skor min yang terendah dicatatkan bagi pernyataan “Saya dapat membeli barang yang berjenama” iaitu sebanyak 2.02. Majoriti responden telah memilih skala sangat tidak setuju sebanyak 25 responden (62.5%). Sehubungan itu kecenderungan ini menunjukkan walaupun pendapatan mereka telah meningkat, namun pendapatan tersebut hanya mencukupi untuk menyara kehidupan diri dan keluarga yang bersifat keperluan dan kehendak asasi. Responden yang ditemui turut menyatakan bahawa membeli barang berjenama bukanlah suatu keperluan bagi mereka.

Pernyataan yang mendapat skor min kedua terendah adalah pernyataan “Saya dapat membuka banyak cawangan perniagaan” iaitu sebanyak 2.65. Hal ini dapat dibuktikan apabila majoriti responden memilih skala sangat tidak setuju paling tinggi iaitu sebanyak 12 responden (30.0%) diikuti skala sederhana setuju sebanyak 9 responden (22.5%). Pernyataan ini mendapat skala sangat tidak setuju yang paling tinggi disebabkan usahawan asnaf terlibat kebanyakannya hanya melakukan operasi perniagaan di rumah mereka sahaja ataupun kedai kecil yang disewakan melalui Program Usahawan Asnaf. Sehubungan itu, perniagaan merupakan cara memperolehi pendapatan sara hidup dan bukan berorientasikan pertumbuhan atau pegemabngan. Min keseluruhan bagi tahap pencapaian ekonomi usahawan asnaf mencatatkan sebanyak 4.30 dan berada di tahap yang baik.

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengagihan zakat dalam bentuk bantuan perniagaan kepada asnaf yang berkelayakan telah terbukti memberi kesan positif terhadap pembinaan potensi modal insan kelompok sasaran untuk berdikari menjana pendapatan diri dalam jangka masa panjang berselari pandangan Teori Modal Insan. Penemuan ini telah menyokong sorotan kajian lepas oleh Marvel et al. (2016) tentang Teori Modal Insan dengan menunjukkan individu yang berpengetahuan dan ada kemahiran lebih tinggi mampu menjana lebih banyak pendapatan, manakala ketersediaan sumber yang diperolehi melalui sumber zakat meningkatkan lagi kapasiti produktif kelompok asnaf dalam kalangan fakir dan miskin untuk berusaha menjana pendapatan melalui jalan perniagaan. Justeru agihan zakat dalam bentuk bantuan modal perniagaan adalah satu bentuk pengoptimuman sumber ummah yang bukan sahaja selari dengan hukum syarak, tetapi pada masa yang sama menghasilkan nilai tambah yang meningkatkan keupayaan asnaf berdikari secara mapan melalui aktiviti perniagaan (Dayang et al., 2020; Meerangani et al., 2021; Khalil dan Saniff, 2022; dan Meerangani dan Azman, 2019).

Nilai tambah yang diperolehi daripada program keusahawanan asnaf adalah dalam bentuk peningkatan komptensi menjalan dan mengurus perniagaan, sokongan pelbagai bentuk modal mengikut konteks keperluan perniagaan asnaf terlibat dan peluang serta sokongan pemasaran perniagaan. Dapatan ini selari dengan kajian lepas antaranya Bahri et al. (2023); Miah (2021); Meerangani dan

Azman (2019); Al-Hadhrami et al. (2021) dan Nadzri et al. (2012) yang menegaskan kepentingan peranan zakat dalam agenda membasmi kemiskinan masyarakat. Hasil kajian ini telah mengukuhkan bukti kajian lepas mengenai keberhasilan program usahawan asnaf mengubah status sosio-ekonomi golongan asnaf daripada status sosio-ekonomi yang lebih baik (Bahri et al., 2023; Meerangani et al., 2023; Joremi et al., 2023 dan Ibrahim et al., (2023). Dapatkan kajian ini menyokong prinsip Teori Modal Insan yang menyatakan bahawa manusia boleh dibentuk ke arah yang produktif melalui pelaburan dalam program-program yang memberi peluang kepada pengkayaan potensi dan keupayaan diri. Golongan asnaf yang mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk berdikari wajar diberi sokongan sumber supaya mampu menjana pendapatan mampan dan keluar daripada kelompok asnaf fakir atau miskin. Golongan asnaf miskin bandar khususnya mempunyai peluang untuk menceburi banyak peluang perniagaan disebabkan keberadaan mereka di lokasi yang secara relatifnya memiliki potensi komersil dan permintaan terhadap pelbagai barang (servis) pengguna yang tinggi. Justeru asnaf miskin di kawasan bandar perlu diberi sokongan untuk pemberdayaan potensi ekonomi dalam bentuk bantuan modal, premis perniagaan yang strategik dan latihan kemahiran perniagaan serta peluang pemasaran agar mereka boleh sama-sama merebut peluang di pasaran. Ia sejajar dengan penemuan kajian Moen et al. (2012) yang mendapati usahawan asnaf mempunyai potensi untuk berjaya, namun perlu kepada sokongan berterusan bagi mengurus operasi perniagaan dan pasaran dengan lebih baik dan efektif.

Hasil kajian juga membuktikan bahawa agihan zakat dalam bentuk bantuan perniagaan telah berjaya meningkatkan taraf ekonomi kelompok asnaf sasaran selari dengan Teori Modal Insan yang menekan kepentingan pelaburan dalam program bimbingan yang bertujuan meningkatkan kapasiti individu untuk mencapai kualiti kehidupan yang lebih baik. Ia menujukkan asnaf yang dibantu dapat mencapai taraf sosio-ekonomi yang lebih baik di mana ada dalam kalangan mereka yang telah menjadi pembayar zakat berbanding penerima zakat di waktu sebelumnya. Kepentingan hasil kajian deskriptif ini adalah ia telah menjadi bukti bagi menyokong penemuan kajian kualitatif Meerangani dan Azman (2019), dengan mengemukakan bukti berdasarkan asas bilangan responde kajian yang lebih ramai menerusi kajian bentuk survei sehingga dapat menghasilkan generalisasi untuk konteks populasi usahawan asnaf yang lain. Sehubungan itu

agihan zakat dalam bentuk bantuan perniagaan wajar diterus dan dikembangkan skopnya supaya hasrat pembasmian kemiskinan tegar dapat direalisasikan. Pada masa yang sama, aspek pengisian kerohanian dalam kalangan usahawan asnaf juga perlu diliputi supaya mereka konsisten menjalani kehidupan berlandaskan syariat Islam dan menjadi usahawan yang memiliki jati diri Muslim yang kukuh. Ini bagi mendatangkan elemen keberkatan pada diri dan usaha niaga yang dilakukan supaya ada elemen keberkatan dalam pendapatan yang dijana.

Dapatkan ini turut menyokong prinsip Teori Modal Insan di mana potensi produktiviti seseorang individu boleh dipertingkatkan melalui pelaburan dalam program pembangunan diri yang mensasarkan aspek kekurangan yang menghalang individu mencapai potensi ekonomi yang lebih baik, contohnya tiada modal bermula, tidak mampu menyewa pemis di lokasi strategik, tiada jaringan dengan pembekal atau akses pasaran dan pengetahuan perniagaan yang terhad. Ini bermaksud agihan zakat dapat diberikan dalam bentuk yang mengambil kira masalah khusus dan keperluan sebenar individu asnaf terlibat (Masruki, 2021; Muzakir 2023). Sehubungan itu sumber kolektif ummah yang dikumpul menerusi kewajipan ibadat zakat dapat dikembang dan dioptimum penggunaannya untuk menyediakan kapasiti berdikari kepada asnaf fakir dan miskin yang berpotensi berbanding agihan tidak produktif dalam bentuk pemberian bantuan bulanan semata-mata. Ini kerana ada dalam kalangan asnaf fakir dan miskin yang memiliki orientasi keusahaawanan dan keupayaan menjalankan perniagaan namun berhadapankekangan modal dan input perniagaan. Sehubungan itu agihan bersifat produktif dan memperkasa potensi jangka panjang diri adalah lebih diperlukan berbanding bantuan sara diri bulanan.

Meskipun demikian dalam usaha menambah baik keberkesanan program dalam jangka masa panjang, terdapat beberapa cabaran yang perlu diberi perhatian. Cabaran pertama sikap dan kemauhan asnaf untuk mengambil peluang dan menggunakan peluang meningkatkan potensi diri dengan sebaiknya. Hal ini kerana terdapat pemikiran “sudah selesa” menjadi penerima zakat secara bantuan bulanan dan kurang bersedia mengambil risiko atau enggan berusaha menjana pendapatan sendiri. Cabaran kedua adalah komitmen dan iltizam usahawan asnaf menggunakan sumber bantuan zakat bagi pemerkasaan potensi diri dalam jangka masa panjang. Berbeza dengan konteks pembiayaan mikro kredit, bantuan modal perniagaan berdasarkan sumber zakat adalah bersifat percuma kerana ianya tidak perlu dibayar balik oleh penerima bantuan. Keadaan tersebut dalam sesetengah

keadaan telah mewujudkan motivasi yang lemah untuk berusaha memajukan perniagaan dan diri kerana tidak terikat dengan sebarang komitmen bayaran balik. Sehubungan itu, elemen bayaran balik dijangka boleh memberi tekanan positif kepada usahawan asnaf untuk meningkatkan komitmen dan disiplin dalam memajukan perniagaan mereka. Cabaran ketiga usahawan asnaf adalah memajukan perniagaan yang dijalankan disebabkan kekangan kompetensi diri seperti kurang kemahiran dan pengetahuan mengurus perniagaan yang menyebabkan pertumbuhan perniagaan yang perlahan dan kurang daya saing. Justeru selain sumber bantuan perniagaan, aspek kemahiran dan pengetahuan perniagaan adalah perlu dipertingkatkan selari dengan Teori Modal Insan.

KESIMPULAN

Zakat merupakan ibadat dalam rukun Islam yang perlu dilaksanakan oleh individu Muslim yang cukup syarat. Keunikan ibadat zakat ialah ia tidak sekadar mendatangkan pahala dan keredhaan Allah kepada pelakunya, tetapi turut mendatangkan faedah kepada masyarakat yang memerlukan. Ini kerana zakat adalah ibadat yang merangkumi hubungan manusia secara menegak (vertical) iaitu manusia-Allah dan mendatar (horizontal) iaitu sesama manusia. Seiring perkembangan semasa terdapat pelbagai kaedah alternatif bagi mengagihkan zakat kepada kumpulan asnaf yang mana dapat dikelaskan kepada bentuk yang produktif dan tidak produktif. Salah satu bentuk skim agihan yang banyak dilakukan oleh agensi pengurusan zakat negeri adalah agihan bantuan perniagaan. Artikel ini telah mengemukakan deskripsi bentuk nilai tambah yang diperolehi oleh usahawan asnaf terlibat dan menilai peningkatan taraf ekonomi yang dicapai secara empirikal. Hasil kajian menunjukkan nilai tambah diperolehi oleh usahawan asaf dalam bentuk peningkatan kemahiran, ketersediaan modal perniagaan dan peluang pemasaran. Usahawan asnaf terlibat telah mencapai peningkatan dalam taraf ekonomi disebabkan perolehan pendapatan yang stabil berbanding situasi sebelumnya. Justeru program agihan zakat dalam bentuk bantuan perniagaan adalah bermanfaat dan wajar diteruskan serta diperluaskan bagi memberdaya potensi ekonomi asnaf sasaran yang berkelayakan. Penemuan kajian ini menyokong Teori Modal Insan di mana keupayaan produktiviti individu boleh digilap melalui bantuan dan sokongan yang sesuai dengan keperluan mereka. Kajian akan datang disarankan supaya mengkaji secara khusus faktor yang mempengaruhi kejayaan prestasi perniagaan yang diusahakan

usahawan asnaf secara lebih mendalam agar satu generalisasi dapat dikemukakan dan menjadi input ke arah menambah baik pengisian program keusahawanan asnaf yang dijalankan.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah membiayai penyelidikan ini di bawah projek geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental dengan nombor rujukan FRGS/1/2024/SS02/UKM/02/6.

RUJUKAN

- Al Quran. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Adnan, N. I. M., Roselam, M. A. C., Hamat, Z., & Furqani, H. (2021). The distribution of zakat fund to the poor entrepreneurs using micro finance. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(2), 231-240.
- Al-Hadhrami, S.S., Al-Hattali, M.K., Ahmed, E.R. (2021). Role of zakat in poverty alleviation: a case study in Nizwa City, Sultanate of Oman. *Proceedings of the 2nd Kedah International Zakat Conference 2021*, 221-232.
- Azman A.R, Mohamad Yazis Ali Basah, Mohammad Noorizzuddin Nooh, Mahdhir Abdullah, Ahmad Anis Mohd Fauzi dan Mohd Faez Abu Bakar. (2016). Program usahawan bagi memperkasakan ekonomi golongan asnaf: Pemantauan dari aplikasi myema. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 7, 29-38.
- Bahri, E.S., Ali, J., and Aslam, M.M.M. (2023). Successful of Asnaf Entrepeneur: The role of knowledge, skills, and ability. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*. 4(3), 1-22.
- CIPD. (2017). Human Capital Theory. Technical Reports. May 2017. https://www.cipd.org/globalassets/media/knowledge/knowledge-hub/reports/human-capital-theory-assessing-the-evidence_tcm18-22292.pdf (akses pada 6 November 2023)
- Dayang Shohibah Abang Abai, Mohd Daud Awang, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Arfah Ab Majid dan Hadi Hamli. (2020). Bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia: Kajian empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(1), 93-99.

- Estrin,S., Mickiewicz, T., dan Stephan, U. (2016). Human capital in social and commercial entrepreneurship. *Journal of Business Venturing*, 31(4), 449-467.
- Francesco Andreoli, Mauro Mussini, Vincenzo Prete dan Claudio Zoli. (2021). Urban poverty: Measurement theory and evidence from American cities. *The Journal of Economic Inequality*, 19, 599-642.
- Hassan N. Khalid. 2018. Satu analisis mengenai dikotomi antara kemiskinan bandar dan luar bandar di Malaysia. *PERSPEKTIF Journal*, 4(1), 1-21.
- Ibrahim, A.Z., Taha, R., Hamzah, M.A., Salleh, Z., Ahmad, N. and Azmi, R. (2023). Zakat capital assistance programme for asnaf entrepreneurs: issues and challenges. *Journal of Business and Social Development*, 11(2), 64-71.
- Joremi, L., Muda, R., Zain, W.Z.W.M. dan Rosli, N.A. (2023). The challenges of asnag entrepreneurs in forming entrepreneurial resilience. *Information Management and Business Review*, 15(3), 242-252.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid. (2016). Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. *Jurnal Akademika*, 86(2), 65-78.
- Khalil, M.N. dan Saniff, M.S. (2022). Hala tuju transformasi usahawan asnaf oleh institusi zakat Malaysia: Satu penerokaan awal. *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 3(3), 67-78.
- Krieger, A., Stuetzer, M., Obschonka, M., dan Almela-Aro, K. (2022). The growth of entrepreneurial human capital:origins and development of skill variety. *Small Business Economics*, 2022(59), 645-664.
- Lillo, F.G., dan Lajara, B.M. (2002). The human capital approach and its applicability to entrepreneurship research: an empirical examination. *Portuguese Journal of Management Studies*, VII(2), 127-141.
- Marvel, M.R., Davis, J.L., dan Sproul, C.R.(2016). Human capital and entrepreneurship research: a critical review and future directions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 40(3), 599-626.
- Masruki, R., Sulaiman,M. dan Majid, H.M.A. (2021). Innovative zakat distribution practices of Malaysian State Zakat Institutions and their socio-economic impact during the COVID-19 pandemic. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 15(9), 390-408.
- Meerangani, K.A dan Azman, Z.U.K. (2019). Transformasi usahawan asnaf menerusi program Pembangunan ekonomi, Lembaga Zakat Selangor. *Jurnal Ilmi*, 9, 15-29.

- Meerangani, K.A., Mustafar, M.Z., Hamid, A.M.F, dan Aziz, M.K.N. (2021). Dlm. Muhammad Ikhlas Rosele, Mohamad Noor Sahidi Johari dan Muhsin Nor Paizin. *Dimensi Baharu Zakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP dan Akademi Pengajian Islam UM: 303-325.
- Meerangani, K.A., Badrulhisham, A., Hamid, M.F.A., Hashim, S.N.I., Rameli F.P. and Hamzah, M.R. (2023). The effectiveness of entrepreneurial development program in transforming asnaf zakat. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(1), 1201-1211.
- Miah, M.A. (2021). Effectiveness of zakat-based poverty alleviation program: evidence from Bangladesh. *International Journal of Zakat*, 6(2), 27-42.
- Moen, A.J., Omar, C.A.R., Ishak, S., Darawi, Z. dan Hamdan, H.. (2012). Amalan pengurusan kewangan di kalangan usahawan asnaf. *Prosiding Kehangsaan Ekonomi Malaysia VII (PERKEM VII). Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju*. Jilid 2 (2012): 762-769.
- Muzakir, K. (2023). The importance of zakat as a booster for the community's economy. *International Journal of Scientific Multidisciplinary Research*, 1(1),17-24.
- Nadzari, F.A.A., Rahman, R.A., Omar, N. (2012). Zakat and poverty alleviation: roles of zakat institutions in Malaysia. *International Journal of Arts and Commerce*, 1(7), 61-72.
- Nor, M. N. dan Mohamad, A.B. (2023). Pembiayaan Al-Qard menerusi dana zakat kepada usahawan asnaf B40 MAIWP. *AZKA International Journal of Zakat and Social Finance*. 4(3), 23-48.
- Omar, P.M.F.F., Hajimin, M.N.H.H., Lada, S. Gazali, H.M., Khalil, N.M. (2022). The acceptance of online zakat payment among Muslim in East Malaysia: a conceptual study. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 16,13-21.
- Osviantori, T., Yulmardi, Zulfanetti dan Lestari, M. (2024). Analysis of factors influencing poverty in Sungai Penuh City, *The Asian Journal of Business and Professional Studies*, 5, 1-11.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Hukum Menggunakan Dana Zakat untuk Program Motivasi Anak-Anak Asnaf dan Kakitangan Bank. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/3902-irsyad-al-fatwa-siri-ke-349-hukum-menggunakan-dana->

- [zakat-untuk-program-motivasi-anak-anak-asnaf-dan-kakitangan-bank](#)
(akses 25 Jun 2023)
- Pusat Pungutan Zakat (PPZ). (2023). Syarat Wajib Zakat. <https://www.zakat.com.my/info-zakat/syarat-wajib-zakat/> (akes pada 26 Jun 2023).
- Radieah Mohd Nor. (2017). Perbandingan tentang konsep kemiskinan pendekatan konvensional dan Islam. *Jurnal Kemanusiaan*, 11(1), 1-20.
- Ria Angela, Darsono Wisadirana, Edi Susilo. Peranan baitulmal Al-Hidayah dalam penanggulangan kemiskinan berdasarkan modal sosial. *Jurnal Sosial dan Budaya Keislaman*, 22(2), 301-315
- Salleh, W.N.A.W.M., Rasid, S.Z.A., dan Basiruddin, R. (2022). Optimising digital technology in managing zakat. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 726-733.
- Sulong, C.N., Johari, N.F., Ramly, A.F., dan Awang, A. (2022). The method of zakat distribution in Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(47), 534-542.
- Tang, K., Li, Z., dan He, C. (2023). Spatial distribution pattern and influencing factors of relative poverty in rural China. *Innovation and Green Development*, 2(2023), 1-7.
- United Nations. (2023). Transforming Our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development. <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/21252030%20Agenda%20for%20Sustainable%20Development%20web.pdf>
(akses pada 31 Oktober 2023)
- Widiyanto dan Zaenudin (2022). Community compliance model in paying zakat. *Turkish Journal of Islamic Economics*, 9(2),1-23.
- Zin, M.N.A. dan Tambi, N.. (2018). Faktor kemiskinan bandar terhadap pembangunan pendidikan golongan lewat kembang. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 119-130.